


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir



23  
APR

## USM TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI REPUBLIK KYRGYZSTAN



PULAU PINANG, 23 April 2015 – Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PiPPA) hari ini menerima kunjungan delegasi dari Republik Kyrgyzstan di bilik seminar PiPPA USM.



Delegasi Kyrgyzstan seramai 11 orang itu diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Baïmanova Zuura dan pegawai kanan kerajaan.




Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, beliau amat gembira dengan kunjungan mereka untuk menjalin peluang kerjasama dengan USM pada masa hadapan.

"Saya berharap melalui kunjungan ini, hubungan USM dengan Republik Kyrgyzstan dapat diperkukuhkan melalui lebih banyak aktiviti bersama dalam berkongsi pengalaman dan kolaborasi terutamanya dalam aspek kewangan dan pentadbiran awam pada masa akan datang," kata Omar.

Dalam ucapannya Baïmanova Zuura turut mengharapkan kunjungan tersebut akan membolehkan kedua-dua pihak berkongsi dan bertukar-tukar pendapat berkenaan idea pentadbiran dan pengurusan USM sebagai sebuah universiti APEX dengan Kyrgyzstan pada masa akan datang dan ini merupakan peluang yang diharapkan dapat memperkukuh bidang pentadbiran awam dan kewangan," ujar Baïmanova Zuura lagi.



Terdahulu, Pengarah PIPPA Dr. Musa Ali dalam sesi pembentangannya berkenaan sistem pentadbiran dan program-program yang telah dilaksanakan oleh PiPPA turut mengalu-alukan kedatangan pihak berkenaan.



Hadir sama ialah, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pengantarabangsaan) PiPPA, Profesor Madya Dr. Mohd. Rodzi Ismail, para pegawai dari University of Malaya Centre of Regulatory Studies (UMCoRS) dan para pegawai USM. Teks: Siti Naquiah Binti Abdillah / Foto: Mohd Fairus Md. Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015